



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES



PELAWAAN TUNJUK MINAT

Expression of Interest (EOI)

bagi

PERKHIDMATAN BIMBINGAN PENINGKATAN PERNIAGAAN DI BAWAH PROGRAM GROWBIZ

**SILA HANTAR PELAWAAN TUNJUK MINAT
BAGI
PROGRAM GROWBIZ**

1. LATAR BELAKANG DAN TUJUAN

- Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) merupakan agensi penyelaras pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang menyelaras pelaksanaan program pembangunan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merentasi kesemua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan bagi penyelidikan dan penyebaran data berkaitan PKS dan usahawan, serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS dan usahawan di seluruh negara.
- Program GrowBiz ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizME) khusus untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan usahawan, seterusnya menaiktaraf perusahaan mikro daripada syarikat bersaiz mikro kepada kecil. Program GrowBiz menggunakan pendekatan *hand holding* untuk membimbing perusahaan mikro (ME) meningkatkan perniagaan mereka ke tahap seterusnya yang merangkumi elemen penarafan perniagaan, latihan, bimbingan (*coaching*) perniagaan dan fasilitasi perniagaan.
- Program GrowBiz akan dilaksanakan oleh firma yang dilantik oleh SME Corp. Malaysia dan akan dikenali sebagai *Appointed Implementer (AI)*.
- Tujuan Pelawaan Tunjuk Minat ini dikeluarkan adalah bagi mempelawa syarikat perundingan dan bimbingan (*coaching*) perniagaan yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan untuk memohon sebagai firma pelaksana (*Appointed Implementer - AI*) dengan mengemukakan kertas cadangan pelaksanaan program di bawah Program GrowBiz.

2. SKOP PELAKSANAAN PROGRAM GROWBIZ

i. **Pembangunan modul kursus yang lengkap**

- *Appointed Implementer (AI)* membangunkan modul kursus yang lengkap, khusus bagi Program GrowBiz (*customised module*) yang merangkumi:
 - Aspek perundangan dalam perniagaan dan pengurusan kontrak perniagaan
 - Pengurusan kewangan & produk kewangan termasuk pembiayaan alternatif
 - Digitalisasi
 - Pasaran
 - Penjenamaan
 - Lain-lain modul yang bersesuaian
- AI membangunkan modul kursus dengan perundingan bersama SME Corp. Malaysia.
- Modul kursus Program GrowBiz yang dibangunkan akan menjadi hak milik eksklusif SME Corp. Malaysia dan akan dijadikan modul latihan teras bagi program ini.
- Modul kursus boleh dibangunkan menggunakan samada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

- Tempoh yang dicadangkan bagi pembangunan modul kursus bagi Program GrowBiz adalah sehingga dua (2) bulan termasuk mendapatkan sokongan (*endorsement*) dari SME Corp. Malaysia, namun ianya tertakluk kepada perbincangan lanjut.

ii. **Pemilihan peserta**

- Program ini mensasarkan perusahaan mikro (ME) dengan keutamaan diberikan kepada perniagaan yang telah mencapai jualan tahunan sekurang-kurangnya RM250,000.00.
- 50 orang peserta di kalangan ME termasuk 15 ME milikan wanita dan 7 ME milikan belia.
- AI bertanggungjawab dalam mendapatkan penyertaan peserta di kalangan ME dengan kerjasama SME Corp. Malaysia

iii. **Penarafan perniagaan**

- Penarafan perniagaan menggunakan model MSCORE/SCORE yang dibangunkan oleh SME Corp. Malaysia untuk menilai prestasi semasa syarikat.
- AI bertanggungjawab dalam menguruskan penjadualan sesi pengauditan MSCORE/SCORE yang akan dijalankan oleh *auditor* dari SME Corp. Malaysia, sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh pelaksanaan Program GrowBiz.

iv. **Latihan**

- Latihan dijalankan berdasarkan modul kursus yang telah dibangunkan oleh AI dan telah mendapat sokongan (*endorsement*) dari SME Corp. Malaysia.
- AI mengendalikan sesi latihan mengikut mekanisme yang ditetapkan samada secara maya ataupun bersemuka bergantung kepada situasi semasa.
- AI perlu menyediakan laporan pelaksanaan program termasuk analisis data dan penilaian peserta terhadap sesi latihan dan bimbingan.
- AI perlu mempunyai keupayaan dalam menyampaikan latihan dalam kedua-dua Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, mengikut kesesuaian peserta.
- Tempoh latihan yang disasarkan selama dua (2) bulan namun pihak AI boleh mencadangkan tempoh yang bersesuaian mengikut keperluan dan kandungan modul kursus.

v. **Bimbingan (Coaching) perniagaan**

- Sesi *coaching* dikendalikan sekurang-kurangnya dua (2) kali selepas sesi latihan bagi membimbing para peserta mengenalpasti keperluan dan strategi dalam meningkatkan skala (*scale up*) serta mengembangkan perniagaan mereka.

vi. **Pemantauan dan Pendaftaran Status PKS**

- Pemantauan perlu dijalankan ke atas para peserta dan penyediaan laporan pencapaian peserta perlu disediakan secara berkala iaitu dalam tempoh enam (6) bulan dan 12 bulan dari tarikh mula sesi latihan untuk memantau prestasi syarikat (*impact assessment*).
- Memastikan peserta membuat Pendaftaran Status PKS bagi mengesahkan sesuatu syarikat / perniagaan adalah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

- Tempoh pelaksanaan Program yang disasarkan adalah sehingga 16 bulan bermula dari tarikh lantikan AI sehingga selesai proses pemantauan dan penyediaan laporan akhir.

- SME Corp. Malaysia berhasrat untuk melantik firma yang berkelayakan sebagai *Appointed Implementer* untuk menjalankan Program berdasarkan terma dan garis panduan yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia.
- Pembiayaan bagi kos pelaksanaan Program GowBiz AI tertakluk kepada perkhidmatan yang ditawarkan serta merangkumi kos pembangunan modul kursus GrowBiz, latihan, *coaching* dan pemantauan.

3. PELAWAAN

Pelawaan dibuka kepada syarikat perundingan dan bimbingan (*coaching*) perniagaan yang berminat dan kelayakan untuk memohon sebagai firma pelaksana (*Appointed Implementer - AI*) dengan mengemukakan kertas cadangan berdasarkan skop program pelaksanaan program.

4. LAIN-LAIN MAKLUMAN

- Tempoh pelaksanaan Program yang disasarkan adalah sehingga 16 bulan bermula dari tarikh lantikan AI sehingga selesai proses pemantauan dan penyediaan laporan akhir.
- Sesi latihan dan bimbingan (*coaching*) perniagaan dijalankan secara bersemuka atau maya, tertakluk kepada keadaan semasa dan arahan daripada MKN.

PROFIL SASARAN PERUSAHAAN MIKRO YANG AKAN MENGIKUTI PROGRAM GROWBIZ

Disasarkan 50 peserta di kalangan perusahaan mikro termasuk 15 ME milikan wanita dan tujuh (7) milikan belia akan menyertai Program GrowBiz dengan kriteria berikut:

1. Perniagaan dalam kategori mikro dengan keutamaan diberikan kepada perniagaan yang telah mencapai jualan tahunan sekurang-kurangnya RM250,000.
2. Perniagaan yang berdaftar dengan Akta Syarikat 1965 atau 2016 / Pendaftaran Perniagaan (1956) / Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 / Perniagaan, Profesion & Perlesenan Perdagangan Ordinan (HANYA untuk Sabah dan Sarawak) / berdaftar dengan mana-mana badan profesional yang diiktiraf oleh undang-undang.
3. Mempunyai sekurang-kurangnya 60% ekuiti milikan warganegara Malaysia.
4. Beroperasi di premis perniagaan yang sah dan mempunyai lesen perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan.
5. Syarikat yang memohon untuk menyertai program ini perlu mengemukakan Penyata Kewangan Diaudit / Akaun Pengurusan sekurang-kurangnya satu (1) tahun (terkini).
6. Keutamaan akan diberikan kepada syarikat yang memperoleh sekurang-kurangnya Tahap 3 dalam penilaian MSCORE.

KRITERIA PELANTIKAN SEBAGAI PELAKSANA (APPOINTED IMPLEMENTER - AI)

A. Syarikat yang dilantik sebagai AI mesti memenuhi kriteria berikut:

1. Terbuka kepada syarikat yang berpengalaman dalam perundingan dan bimbingan (*coaching*) perniagaan.
2. Perniagaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 atau 2016 atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 & beroperasi di premis perniagaan yang sah dan mempunyai lesen perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan.
3. Memiliki sekurang-kurangnya 60% ekuiti warganegara Malaysia.
4. Mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun.
5. Perlu mengemukakan penyata kewangan yang diaudit.
6. Memiliki keupayaan kewangan.

B. AI bertanggungjawab untuk melaksanakan program seperti yang digariskan di dalam skop pelaksanaan.

1. Mencadangkan dan membangunkan modul kursus yang lengkap, khusus bagi Program GrowBiz (*customised module*) dan mendapatkan kelulusan SME Corp. Malaysia sebelum digunakan bagi sesi latihan.
2. Mengendalikan sesi latihan mengikut skop yang ditetapkan secara maya ataupun bersemuka, bergantung kepada situasi semasa.
3. AI perlu mendapatkan 50 orang peserta di kalangan ME yang memenuhi kriteria kelayakan termasuk 15 ME milikan wanita dan 7 ME milikan belia.
4. AI perlu menguruskan penarafan MSCORE/SCORE ke atas syarikat peserta. Pengurusan bagi penarafan MSCORE/SCORE ini termasuk edaran borang, pengumpulan borang dan dokumen-dokumen sokongan, menguruskan jadual pengauditan dan memaklumkan keputusan MSCORE/SCORE kepada peserta.
5. AI perlu mengemukakan perancangan pelaksanaan program beserta jangkamasa pelaksanaan untuk tujuan pemantauan program.
6. Mengendalikan sesi *coaching* sekurang-kurangnya dua (2) kali selepas sesi latihan bagi membimbing para peserta mengenalpasti keperluan dan strategi dalam meningkatkan skala (*scale up*) serta mengembangkan perniagaan mereka.
7. Menyediakan laporan penganjuran sesi latihan bagi tujuan tuntutan pembayaran termasuk menyediakan analisis data dan penilaian peserta terhadap penganjuran sesi.
8. Membuat pemantauan ke atas peserta dan mengemukakan laporan pencapaian peserta kepada SME Corp. Malaysia dalam tempoh enam (6) bulan dan 12 bulan dari tarikh sesi latihan bermula bagi memantau prestasi syarikat (*impact assessment*) yang mengikuti sesi latihan.
9. Mengenalpasti sekurang-kurangnya enam (6) syarikat yang berpotensi tinggi dan menunjukkan peningkatan prestasi untuk dijadikan sebagai '*success story*' program ini dalam tempoh 12 bulan dari tarikh sesi latihan bermula.

10. Menguruskan proses pendaftaran Status PKS peserta Program GrowBiz.
 11. Bersedia dan bersikap terbuka untuk bekerjasama dengan agensi-agensi yang telah dikenalpasti sebagai nilai tambah bagi modul kursus dan latihan yang ditawarkan kepada peserta sekiranya perlu.
 12. Menyediakan bahan promosi dan menjalankan aktiviti-aktiviti promosi bagi menjayakan program ini.
 - 12.1 Bahan-bahan promosi yang diterbitkan hendaklah mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu.
 - 12.2 Sekiranya AI ingin merekabentuk logo korporat program ini, ia perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia dan logo korporat ini hanya untuk digunapakai secara eksklusif bagi program ini sahaja.
 - 12.3 Penggunaan logo SME Corp. Malaysia hanya dibenarkan di bahan-bahan promosi berkaitan latihan yang diluluskan SME Corp. Malaysia sahaja. AI tidak dibenarkan untuk mencetak logo SME Corp. Malaysia di kad perniagaan atau bahan promosi latihan yang lain untuk mengelakkan salah faham di kalangan masyarakat.
- Nota: Rekabentuk bahan-bahan promosi, logo dan imej korporat bagi program ini akan dijadikan hak milik eksklusif SME Corp. Malaysia bagi tujuan program ini sahaja.

C. MAKLUMAT LANJUT / PENYERAHAN YANG BERKAITAN PELAWAAN TUNJUK MINAT (EOI)

- Penyerahan untuk menyatakan penerimaan Pelawaan Tunjuk Minat oleh AI bermula dari **1 April sehingga 15 April 2021 selama empat belas (10) hari.**
- AI yang berminat diminta untuk menghantar kertas cadangan program dan borang permohonan seperti di lampiran melalui surat atau e-mel kepada SME Corp. Malaysia di alamat berikut:

Urusetia Program GrowBiz
Bahagian Pemantauan Dasar dan Pembangunan Inklusif
SME Corp. Malaysia
Level 6 Block C Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

Infoline: 1 300 30 6000

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi secretariatgrowbiz@smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia berhak memilih atau menolak sebarang penyerahan *EOI*. Syarikat dengan *EOI* yang berpotensi akan dipertimbangkan untuk ke peringkat seterusnya. Pemilihan akhir akan dibuat oleh Panel SME Corp. Malaysia.

Terima kasih.

Penafian:

Semua komitmen dan bantuan yang diberikan di bawah Program tersebut bergantung pada ketersediaan dana. SME Corp. Malaysia berhak untuk menghentikan atau menangguhkan Program, atau mengubah kandungan atau format Program, pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan kepada siapa pun, dan meminta penghentian segera dari penggunaan tertentu dari Program. Di samping itu, kami berhak mengikut budi bicara mutlak kami untuk menangguhkan, menghentikan atau menyekat akses orang ramai ke Program pada bila-bila masa dan dengan alasan apa pun. SME Corp. Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh mana-mana Pihak yang menyertai Program ini.

AMARAN: *Memberikan maklumat palsu atau mengelirukan untuk tujuan menipu SME Corp. Malaysia adalah jenayah di bawah Kanun Keseksaan yang hukumannya merangkumi penjara dan sebatan dan juga boleh dikenakan denda. Sebagai tambahan, SME Corp. Malaysia boleh menolak sebarang faedah, ganjaran atau bantuan jika maklumat palsu dikemukakan.*

AMARAN: *Terdapat pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang mengaku sebagai juruperunding atau ejen bagi pihak SME Corp. Malaysia untuk pelaksanaan semua Program Pembangunan PKS. SME Corp. Malaysia TIDAK pernah melantik juruperunding atau ejen serta TIDAK mengenakan sebarang caj perkhidmatan bagi mana-mana program ini dan dakwaan tersebut merupakan satu kesalahan serius. Sekiranya anda mempunyai sebarang masalah atau pertanyaan sila hubungi Talian Info (1-300-30-6000).*